

28 DEC 1996

PEMUDA PAS BUAT ADUAN BPR KES MB SELANGOR

SHAH ALAM, 28 Dis (Bernama) -- Dewan Pemuda Pas Pusat hari ini membuat aduan rasmi kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) Selangor dan meminta agensi itu menjalankan penyiasatan segera dan menyeluruh terhadap Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib yang ditahan di Australia Ahad lalu kerana tidak mengisytiharkan wang tunai sebanyak RM2.4 juta.

Semasa membuat aduan di pejabat BPR negeri di sini, Setiausaha Pemuda Pas, Haji Mahfuz Omar diiringi Timbalan Pengerusi Tetap Pemuda Pas Pusat, Ismat Habib dan Bendahari Pemuda Pas Pusat Sheikh Abu Bakar Omar serta beberapa Exco Pemuda Pas Pusat dan negeri.

Aduan itu dikemukakan kepada Pegawai Penyiasat Kanan BPR negeri, Haji Norazmi Nordin.

"Tiada sebarang bukti yang dikemukakan berhubung kes itu dan Pemuda Pas hanya membuat aduan meminta BPR menjalankan siasatan dengan segera dan adil," kata Mahfuz kepada pemberita kemudian.

Katanya, BPR perlu menyiasat kes itu dari semua sumber termasuk mengeledah pejabat dan rumah Menteri Besar itu bagi memastikan siasatan dapat dilakukan dengan adil.

Mahfuz berkata "Tan Sri Muhammad perlu bertanggungjawab dan membuat laporan penuh bukan sahaja kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi juga kepada semua rakyat yang ingin mengetahui dari mana wang tersebut diperolehi."-- BERNAMA

RZS MNY OBA